

## Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-30

Pada bulan Mei yang lalu seramai 160 kakitangan KUKUM yang terdiri daripada pelbagai jabatan telah mewakili KUKUM dalam Kejohanan Sukan Staf antara Universiti Malaysia Ke-30 yang berlangsung di Universiti Malaya selama seminggu bermula 14 hingga 21 Mei 2005. Kontigen KUKUM diketuai sendiri oleh Yg. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM dan Timbalan Ketua kontigen ialah Tn. Hj. Huzili Hussien.

Kontigen KUKUM pulang dengan beberapa kemenangan yang boleh dibanggakan. Dalam pertandingan golf individu, wakil KUKUM iaitu Roshaidi Ramli telah mengharumkan nama KUKUM dengan menjadi johan *Gross Terbaik* dengan 77 mata, manakala dalam pertandingan antara kumpulan, KUKUM menduduki tempat ke 3 dengan 217 mata dibelakang UPSI. Walaupun kali pertama KUKUM menghantar wakil dalam acara ini, namun ia tidak menghampakan. Dalam acara olahraga, atlet KUKUM tidak menghampakan juga dengan membawa pulang 2 perak 1 gangsa. Pingat perak dimenangi oleh Yusri Idris dalam acara lompat jauh dengan jarak 5.99 m dan Zulfikar Abdullah dalam acara 1500 m dengan catatan 5:18:50 minit. Pingat gangsa tunggal disumbangkan oleh kuartet 4 x 400 m yang diketuai oleh Ku Isma Faizul Ku Ismail dan 3 rakan lain iaitu Zulfikar Abdullah, Mohd Rizal Abd. Rejab dan Adi Ashraf Zulkifli dengan catatan masa 4:00:06 minit.

Dalam acara bola sepak pula, KUKUM menduduki tempat ke 4 daripada 17 IPTA. Di separuh akhir KUKUM kalah 2-1 dengan pasukan UiTM dan kalah juga 2-1 dengan UMS dalam penentuan tempat 3/4. Walaupun menumbangkan juara lepas pada pusingan suku akhir UUM dengan 2-0, pasukan KUKUM tidak dapat memenuhi target untuk memasuki perlawanan akhir. Dalam acara lain, pasukan bola tampar wanita juga tidak menghampakan, walaupun pertama kali menyertai sukan ini. Pasukan ini telah memasuki peringkat suku akhir sebelum tewas kepada UiTM dengan 2-0. Begitu juga dengan pasukan badminton lelaki yang tewas di peringkat suku akhir juga dengan UiTM dengan mata 4-3. Manakala pasukan baru, boling padang wanita menunjukkan belangnya dengan memasuki peringkat suku akhir, walaupun ini adalah pertama kali menyertai kejohanan ini, pasukan ini tetap mencabar dengan mengalahkan universiti-universiti lama seperti USM, UKM dan UPM.

Pasukan-pasukan lain juga menunjukkan semangat melawan walaupun tidak melepasi peringkat kumpulan seperti bola sepak veteran, bola jaring, tenis, ping pong, sepak takraw dan tenpin boling. Walaupun begitu, kontigen KUKUM perlu bersiap lebih awal untuk kejohanan akan datang bagi mencapai matlamat untuk mendapat tempat terbaik dalam kejohanan-kejohanan akan datang.

Disediakan Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah



Ketua Kontigen Yg. Bhg. Dato' Rektor menerima cenderahati kejohanan daripada Dato' Dr. M. Jegathesan, Timbalan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM)



Yg. Bhg. Dato' Rektor dengan pemenang pingat dalam acara olahraga



Kontigen KUKUM dimalam perasmian Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia Ke-30

